

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	07 JUNE 2017

# myFreeview lonjak industri pendigitalan negara

BH-7/6/2017  
pg. 2

➔ 2.2 juta penerima BR1M terima dekoder percuma secara berperingkat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Azzman Abdul Jamal  
bhnews@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

**P**elancaran myFreeview yang memberi liputan televisyen lebih kompetitif kepada rakyat adalah manifestasi sebenar kepada perkembangan industri pendigitalan negara, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, ia juga sebahagian agenda nasional untuk mentransformasikan industri penyiaran melalui pendigitalan dengan tujuan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Sebagai permulaannya, beliau berkata, sebanyak 24 stesen pemancar akan dipasang di 87 kawasan seluruh negara di bawah pelaksanaan fasa satu dan dua.

“(Sementara) 98 peratus kawasan penduduk di seluruh negara untuk memperoleh liputan penuh (myFreeview) itu dijangka dapat dilaksanakan pada suku ke empat tahun ini.

“Perkhidmatan penyiaran myFreeview disediakan kepada rakyat secara percuma tanpa kos lang-

ganan bulanan dan ia dapat merapatkan jurang digital terutama di kawasan terpencil,” katanya ketika melancarkan myFreeview, di sini, semalam.

Majlis yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam turut dihadiri, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr Mohd Salleh Said Keruak; Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Datuk Seri Dr Halim Shafie serta pengurusan kanan media tempatan.

## Salur banyak kandungan

Perdana Menteri menjelaskan, inisiatif myFreeview juga bertujuan menyalurkan lebih banyak kandungan dan aplikasi termasuk penyiaran tempatan bagi meraih manfaat untuk memperluaskan jangkauan penonton.

Najib juga berkata, perkhidmatan myFreeview atau Televisyen Terrestrial Digital, sejajar dengan pemindahan siaran terrestrial analog ke siaran digital sepenuhnya, selain berupaya mencipta pelbagai peluang kerjaya baharu.

“Pelaksanaan ini bakal membuka lebih banyak peluang pekerjaan te-

**Fakta  
nombor**

**RM199** DEKODER

MYTV boleh diperoleh di kedai elektronik

**4.2** JUTA

penerima memperoleh manfaat pelaksanaan myFreeview

rutama dari industri kreatif dan kandungan elektronik. Ia juga secara langsung memberi impak tambahan dalam penjimatan kos operasi,” katanya.

Beliau berkata, pada 2014, RM8.6 bilion perolehan iklan diperoleh dan jumlah ini dijangka terus meningkat menerusi kos penawaran pengiklanan yang semakin kompetitif di bawah myFreeview.

Najib menjelaskan, Malaysia sudah mula menutup TV analog secara berperingkat bermula 2015 hingga 2020, manakala Singapura sudah menutup TV analog pada tahun ini.

## Tutup TV analog

“Malaysia menetapkan untuk menutup TV analog ini sepenuhnya pada Jun tahun depan,” katanya.

Dengan peralihan kepada myFreeview ini, penonton akan berpeluang menikmati resolusi gambar yang lebih baik dan jelas, kualiti bunyi terhebat dan lebih banyak saluran percuma.

Selain itu, penonton juga akan disajikan dengan pengisian program lebih berkualiti, capaian ke Panduan Program Elektronik (EPG) serta pelbagai pilihan un-

tuk alih bahasa.

Menerusi myFreeview juga, penonton mendapat akses ke sembilan stesen TV terrestrial percuma seperti TV1, TV2, TVi, TV Al-Hijrah, TV3, NTV7, 8TV, TV9 dan saluran Berita BERNAMA serta empat stesen radio RTM.

Rakyat Malaysia juga akan mendapat akses ke TV digital menerusi dekoder istimewa yang dikenali sebagai MYTV.

Mereka boleh menyambungkan televisyen dan frekuensi ultra tinggi (UHF) kepada dekoder terbabit.

Peralihan ini juga akan menjadi pemangkin untuk merapatkan jurang digital di antara komuniti pedalaman dan bandar di mana ia akan mencipta masyarakat berilmu dan mewujudkan pelbagai peluang.

Seiring pelancaran ini juga, 2.2 juta isi rumah penerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di seluruh negara akan mendapat dekoder MYTV secara berperingkat.

Ini adalah penambahan kepada dua juta dekoder yang akan dibrikan oleh MYTV Broadcasting Sdn Bhd atau keseluruhan 4.2 juta penerima memperoleh manfaat pelaksanaan myFreeview.